

Bincang kerjasama demi rakyat

Kuala Lumpur: Perkembangan projek tebatan banjir, pembangunan di kawasan sempadan negara jiran dan pengurusan air di Kelantan akan terus menjadi antara keutamaan kerajaan di negeri itu.

Perkara itu dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, selepas beliau menerima kunjungan hormat Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud di Perdana Putra, Putrajaya.

Beliau berkata, perbincangan semalam adalah usaha menambah baik kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan negeri demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

“Antara yang dibincangkan, perkembangan projek tebatan banjir, pembangunan di sempadan



Anwar menerima kunjungan hormat Mohd Nassuruddin di Perdana Putra di Putrajaya, semalam.

(Foto FB Anwar Ibrahim)

dan serta projek infrastruktur seperti penajaran jalan dan pengurusan air.

“Saya titipkan pesanan supaya kepedulian terhadap keba-

jikan rakyat perlu menjadi keutamaan dan diuruskan sebaiknya,” jelas Perdana Menteri menerusi laman sosialnya.